

GARIS PANDUAN PERMOHONAN INSENTIF SENI JKKN

PENGENALAN

Insentif Seni JKKN merupakan penjenamaan beberapa bentuk bantuan dan perkhidmatan sedia ada yang disediakan oleh JKKN untuk BBK dan penggiat seni budaya bagi menambah upaya BBK dan penggiat seni untuk melaksanakan program dan aktiviti berkaitan seni budaya.

OBJEKTIF

1. Memberi sokongan, dorongan dan galakan kepada penggiat seni untuk menghasilkan karya yang berkost rendah tetapi berimpak tinggi.
2. Memberi peluang kepada penggiat seni dari pelbagai cabang seni dan pelbagai kaum untuk terus bergiat aktif dalam bidang seni budaya.
3. Membina jaringan kerjasama dengan menyediakan tempat persembahan bagi memberi peluang untuk penggiat seni berkarya.

JENIS-JENIS INSENTIF

1. Insentif Kewangan
2. Insentif Ruang
3. Insentif Kepakaran
4. Insentif Promosi
5. Memudahkan Bantuan Pihak Lain

SYARAT UMUM PERMOHONAN INSENTIF SENI

1. Mempunyai visi, idea dan konsep yang jelas dan mapan serta selari dengan visi dan misi JKKN.
2. Mempunyai butiran terperinci aktiviti / program berserta anggaran kos yang relevan
3. Kepentingan masyarakat atau sekurang-kurangnya untuk komuniti seni
4. TIDAK menyentuh sensitiviti kaum dan agama dan bersifat provokatif serta boleh mengancam keselamatan negara
5. Pemohon perlu menunjukkan kaliber yang meyakinkan untuk menjalankan aktiviti berkenaan.
6. Aktiviti yang dirangka perlu menyatakan potensi pulangan bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

1. INSENTIF KEWANGAN

- 1.1 **Had maksima** pemberian bantuan adalah sebanyak **RM15,000.00** sahaja.
- 1.2 Bagi permohonan Insentif Kewangan, BBK hanya boleh mengulangi permohonan dalam tempoh **DUA (2) tahun** selepas permohonan pertama diluluskan.
- 1.3 Permohonan bagi Insentif Kewangan JKKN adalah **dibuka pada 1 Mei 2019 sehingga 5 November 2019**. Jawatankuasa Insentif Seni-Kewangan akan bermesyuarat sebanyak empat (4) kali bagi menilai dan meluluskan permohonan daripada BBK.

1.4 Skop Bantuan Kewangan:

- 1.4.1 Pembangunan kandungan (contoh: skrip, penerbitan)
- 1.4.2 Pembangunan kapasiti (contoh: bengkel, latihan)
- 1.4.3 Penyelidikan dan Pembangunan (contoh: kajian adat dan budaya, seni persembahan)
- 1.4.4 Produksi (contoh: persembahan teater, tari, muzik)
- 1.4.5 Program jangkauan (*outreach*) (contoh: program di sekolah sekolah, komuniti)

* Insentif Kewangan tidak boleh digunakan untuk pengurusan dan pentadbiran BBK dan tidak boleh digunakan untuk pembelian aset.

1.5 Syarat Tambahan Permohonan Insentif Seni – Insentif Kewangan:

Pihak Yang Layak Diberi Pertimbangan	Pihak Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan
<p>i. Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 atau berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974. (Permohonan universiti perlu melalui MAKUM).</p> <p>ii. Pendaftaran yang masih sah pada tarikh permohonan.</p> <p>iii. Mempunyai kumpulan sasar pelbagai kaum</p> <p>iv. BBK yang menganjurkan program/aktiviti yang akan memberi manfaat/impak kepada kumpulan sasar.</p> <p>v. Pemohon perlu mengisi borang permohonan dengan lengkap dan</p>	<p>i. Tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara.</p> <p>ii. Pertubuhan politik dan orang perseorangan. (yang bertujuan keuntungan).</p> <p>iii. BBK yang telah dibatalkan pendaftarannya pada tarikh permohonan dibuat.</p> <p>iv. Borang permohonan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan anda DITOLAK.</p>

<p>menyertakan salinan dokumen sokongan yang disahkan, dicap dan ditandatangani oleh Pengerusi/Timbunan Pengerusi/Setiausaha/Bendahari Persatuan dan Salinan penyata akaun Persatuan yang disahkan, dicap dan ditandatangani oleh pegawai bank.</p> <p>vi. Permohonan yang diterima oleh urus setia mulai 15 April 2019 sehingga 5 November 2019.</p>	<p>v. Permohonan selepas 5 November 2019 akan DITOLAK dan tidak akan dinilai.</p>
---	---

1.6 Cara Memohon:

- 1.6.1 Mendapatkan borang di pejabat JKKN seluruh negara atau dimuat turun daripada laman rasmi JKKN iaitu www.jkkn.gov.my.
- 1.6.2 Mengisi borang dan menyediakan dokumen lengkap termasuk kertas kerja dan dokumen sokongan seperti di dalam senarai semak.
- 1.6.3 Mengemukakan permohonan tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh pelaksanaan program manakala bagi program/aktiviti bersifat antarabangsa, permohonan perlu dihantar tidak lewat daripada 90 hari sebelum tarikh program.
- 1.6.4 Permohonan perlu dihantar ke:

Urus Setia Jawatankuasa Insentif Seni
Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Aras 30, Menara TH Perdana
Lot 1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
Tel: 03 2614 8200 samb. 8233/8298
No.Faks: 03 2697 1066
E-mel: psnb@jkkn.gov.my

[Tajuk emel/surat: **PERMOHONAN INSENTIF SENI - KEWANGAN JKKN DARIPADA (NAMA PERSATUAN/PERTUBUHAN) BAGI (NAMA PROGRAM/AKTIVITI)**]

1.7 Tarikh Penting Bagi Insentif Kewangan:

Permohonan Dibuka: 1 Mei 2019 – 5 November 2019

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Penilaian Pertama: <ul style="list-style-type: none">Tarikh Akhir Penghantaran Borang PermohonanMesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni Kewangan Bil.1/2019Pemakluman Keputusan Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none">17 Mei 201922 Mei 2019 (<i>tbc</i>)23 Mei 2019 (<i>tbc</i>)
2	Penilaian Kedua: <ul style="list-style-type: none">Tarikh Akhir Penghantaran Borang PermohonanMesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni Kewangan Bil.2/2019Pemakluman Keputusan Mesyuarat:	<ul style="list-style-type: none">12 Julai 201919 Julai 2019 (<i>tbc</i>)23 Julai 2019 (<i>tbc</i>)
3	Penilaian Ketiga: <ul style="list-style-type: none">Tarikh Akhir Penghantaran Borang PermohonanMesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni Kewangan Bil.3/2019Pemakluman Keputusan Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none">13 September 201920 September 2019 (<i>tbc</i>)24 September 2019 (<i>tbc</i>)
4	Penilaian Keempat: <ul style="list-style-type: none">Tarikh Akhir Penghantaran Borang PermohonanMesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni Kewangan Bil.4/2019Pemakluman Keputusan Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none">5 November 201912 November 2019 (<i>tbc</i>)14 November 2019 (<i>tbc</i>)

Nota:

- * Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup penghantaran akan dinilai pada mesyuarat yang seterusnya. Namun demikian, permohonan selepas 5 November 2019 akan DITOLAK dan tidak akan dinilai oleh ahli mesyuarat.
- * Jadual mesyuarat adalah tertakluk kepada keadaan semasa. Sebarang perubahan mesyuarat akan dimaklumkan di laman sesawang JKKN.
- * Penyaluran Insentif Kewangan Ke BBK adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu selepas keputusan mesyuarat.
- * Tarikh mesyuarat adalah tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.

2. INSENTIF RUANG

2.1 Kebenaran penggunaan ruang di Kompleks JKKN bagi pelaksanaan program seni, budaya dan warisan, seperti;

2.1.1 persembahan dan pertandingan berkaitan seni dan budaya

2.1.2 program keilmuan seperti bengkel, ceramah, wacana

2.1.3 pertemuan dan mesyuarat

2.2 Ruang-ruang Kompleks JKKN di 12 negeri seluruh Malaysia (kecuali Johor dan Sarawak) yang boleh digunakan melalui insentif seni ialah;

2.2.1 Auditorium

2.2.2 Pentas terbuka

2.2.3 Bilik kuliah/bilik seminar

2.2.4 Bilik mesyuarat

2.2.5 Studio Tari/Teater

2.2.6 Gelanggang gasing (hanya di Perlis, Terengganu, N.Sembilan, Melaka, Kelantan dan Sabah sahaja)

2.3 Syarat Permohonan:

2.3.1 Ruang tidak digunakan oleh JKKN atau pihak lain.

2.3.2 JKKN menyediakan ruang secara *as is* iaitu hanya menyediakan peralatan sedia ada di ruang berkenaan. Tambahan peralatan adalah tanggungan pemohon sendiri.

2.3.3 Pemohon perlu menggunakan peralatan dan ruang berkenaan secara berhemah. Sebarang kerosakan akan ditanggung oleh pemohon.

2.3.4 Sekiranya terdapat keperluan penggunaan ruang oleh JKKN atau MOTAC pada saat akhir, JKKN berhak membatalkan permohonan pemohon daripada menggunakan ruang berkenaan.

2.3.5 Pelaksanaan program anjuran pemohon mesti selari dengan visi dan misi JKKN

2.4 Cara Memohon:

2.4.1 Pemohon menghantar surat rasmi ke Pengarah JKKN negeri berkenaan, tempat ruang yang hendak digunakan. Tajuk surat adalah seperti berikut;

“PERMOHONAN MENGGUNAKAN (NAMA RUANG: AUDITORIUM / BILIK MESYUARAT) DI KOMPLEKS JKKN (NAMA NEGERI) MELALUI INSENTIF SENI – RUANG”.

- 2.4.2 Pengarah JKKN negeri akan menyemak kekosongan ruang dan menghantar ulasan dan sokongan ke Ketua Pengarah JKKN bagi kelulusan penggunaan ruang.
- 2.4.3 Pemohon perlu membuat permohonan seawal yang mungkin bagi mengelakkan ruang digunakan oleh pihak lain.
- 2.4.4 JKKN akan memaklumkan keputusan penggunaan ruang dua hari selepas keputusan diperolehi.

3. Insentif Kepakaran

3.1 Pegawai JKKN dan Artis Budaya yang mempunyai kepakaran dan pengalaman akan memberi memberi khidmat nasihat dan panduan kepada BBK atau penggiat seni berkaitan pelaksanaan program, aktiviti dan penyelidikan seni dan budaya. Tajuk surat, **“PERMOHONAN BAGI KHIDMAT NASIHAT DAN KEPAKARAN (NAMA PROGRAM/PERKARA) MELALUI INSENTIF SENI-KEPAKARAN”**

3.2 Bidang-bidang seni dan budaya yang akan dibantu ialah;

3.2.1 Teater

- Pengarahan
- Sinografi
- Lakon
- Pembuatan Props dan Set

3.2.2 Tari

- Koreografi
- Tata Rias
- Pembuatan/ Pemakaian Busana

3.2.3 Muzik

- Komposisi
- Alat Muzik
- Vokal

3.2.4 Teknikal

- Sistem Bunyi
- Sistem Pencahayaan
- Pereka

3.2.5 Pengurusan dan Acara

- Produksi
- Pengurusan Pentas
- Pengurusan Acara
- Kewangan
- Kertas Kerja

3.2.6 Penyelidikan

- Maklumat Seni Budaya
- Metodologi
- Pemetaan Budaya
- Pemudahcara

3.3 Cara Memohon:

- 3.3.1 Pemohon menghantar surat rasmi ke Ketua Pengarah JKKN atau Pengarah JKKN negeri bagi mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran daripada pegawai atau artis budaya JKKN.
- 3.3.2 Pemohon juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran daripada pegawai atau artis budaya JKKN secara terus dengan menghubungi terus pegawai atau artis budaya yang dikehendaki.
- 3.3.3 Pegawai atau artis budaya JKKN yang dihubungi terus oleh pemohon perlu memaklumkan kepada Ketua Pengarah atau Pengarah JKKN negeri / Bahagian mengenai khidmat tersebut.

4. Insentif Promosi

- 4.1 JKKN menyediakan khidmat membantu mempromosikan produk dan program seni budaya melalui medium digital dan media sosial JKKN kepada BBK atau penggiat seni tanpa dikenakan sebarang bayaran.
- 4.2 Pegawai Unit Komunikasi Korporat JKKN juga menyediakan khidmat nasihat dan panduan bagi cara-cara dan kaedah bagi mempromosikan program/aktiviti, cara-cara pelaksanaan sidang media dan temubual di TV & Radio.

4.3 Cara-cara memohon:

- 4.3.1 Pemohon perlu menghantar surat permohonan kepada Ketua Pengarah JKKN atau Pengarah, JKKN Negeri. Tajuk surat, **“PERMOHONAN BAGI MEMBANTU MEMPROMOSIKAN (NAMA PROGRAM/AKTIVITI) MELALUI INSENTIF SENI-PROMOSI”**
- 4.3.2 Pemohon perlu menyertakan kertas kerja program dan salinan lembut (*softcopy*) bahan promosi seperti poster program.
- 4.3.3 Pengarah JKKN Negeri atau Pengarah Bahagian di ibu pejabat akan membuat ulasan, syor dan sokongan bagi semua permohonan insentif promosi dalam tempoh 3 hari dari tarikh permohonan.
- 4.3.4 Bahan promosi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah JKKN akan disiarkan di laman web dan media sosial JKKN sehingga program selesai.

5. Memudahcara Bantuan Pihak Lain

5.1 JKKN juga menyediakan khidmat memudahcara bantuan BBK dan penggiat seni ke pihak lain berkepentingan budaya yang menyediakan bantuan dana dan geran bagi program dan aktiviti seni dan budaya.

5.2 Program/aktiviti yang bersesuaian dengan visi, misi dan objektif JKKN akan disokong dan dipanjangkan kepada agensi lain yang mempunyai dana bantuan.

5.3 Cara Memohon:

5.3.1 Pemohon perlu menghantar surat permohonan beserta kertas kerja kepada Pengarah JKKN Negeri atau Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dua (2) bulan program/aktiviti dilaksanakan; atau

Pemohon yang tidak berjaya mendapatkan Insentif Kewangan akan dibantu bagi mendapatkan bantuan daripada pihak lain.

5.3.2 JKKN akan memaklumkan kepada pemohon status penghantaran permohonan tersebut dan pemohon boleh berhubung terus dengan pihak berkaitan.

ALAMAT PERHUBUNGAN

Bagi pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi;

Urus Setia Jawatankuasa Insentif Seni
Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Aras 30, Menara TH Perdana
Lot 1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
Tel: 03 2614 8200 samb. 8233/8298
No.Faks: 03 2697 1066
E-mel: psnb@jkkn.gov.my

Pegawai Perhubungan:

En. Mohd. Zuhairi bin Ibrahim (samb. 8233)

Pn. Sahlina Aida binti Mohd. Shah (samb.8298)